

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT
BERWAKAF DALAM KALANGAN MASYARAKAT
ISLAM DI KOTA KINABALU, SABAH**



PUTERA ALIIF AL'AIN BIN JASNI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT
BERWAKAF DALAM KALANGAN MASYARAKAT
ISLAM DI KOTA KINABALU, SABAH**

PUTERA ALIIF AL'AIN BIN JASNI



**TESIS INI UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PERNIAGAAN**


**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

11 Februari 2019

PUTERA ALIIF AL'AIN BIN JASNI
MG1311001T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **PUTERA ALIIF AL'AIN BIN JASNI**

NO MATRIK : **MG1311001T**

TAJUK : **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT
BERWAKAF DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM
DI KOTA KINABALU, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA PERNIAGAAN
(KEWANGAN DAN PERBANKAN)**

TARIKH VIVA : **30 Oktober 2019**



DISAHKAN OLEH;

UMMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TANDATANGAN

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie bin Abd Karim

2. PENYELIA BERSAMA

En. Ahmad Aizuddin bin Hamzah

PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana sesungguhnya dengan izin NYA jua dapat saya melengkapkan dan menyempurnakan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan ucapan terima kasih saya dedikasikan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim, penyelia utama yang penuh sabar memberi segala nasihat dan bimbingan dalam usaha saya menyempurnakan tesis ini, terima kasih juga kepada Encik Ahmad Aizuddin bin Hamzah, Penyelia Bersama. Saya turut merakamkan penghargaan kepada pihak Majlis Ugama Islam Sabah, Majlis Agama Islam Johor dan Perbadanan Wakaf Selangor kerana membantu memberikan data-data berkaitan untuk keperluan kajian ini. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada Sahibus Samahah Datuk Bungsu @ Aziz Jaafar, Mufti Kerajaan Negeri Sabah turut memberi buah fikiran dan pandangan dalam kerangka menyiapkan kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Abdullah Bade, Dr. Assis Kamu, Dr. Mizpal Ali, Puan Norazemah binti Abdul Salleh dan Cik Masnih Mustapa yang membantu memberi panduan dan tunjuk ajar analisa data.

Jutaan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga juga kepada ibu ayah saya iaitu Puan Roziyah @ Farrah Roziyahadriana binti Ahmad Raji dan Encik Jasni bin Sulaiman serta adik beradik saya, Cik Puteri Balqis Bazilah binti Jasni, Encik Putera Firdaus Arcita bin Jasni, Encik Putera Mohamad bin Jasni, Dr. Puteri Qurathul 'Akyuni binti Jasni dan Encik Putera Aliif Muzaffar Ar Tuah bin Jasni serta isteri saya Puan Noor Amira Diana binti Jalani mahupun anak saya Putera Aliif Al Ahnaf bin Putera Aliif Al'Ain yang menyokong, memberi kata-kata semangat dan doa dalam menyempurnakan pengajian ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan semua pihak yang membantu dan memberi kerjasama dalam pelaksanaan kajian ini dengan jayanya. Terima kasih.

PUTERA ALIIF AL'AIN BIN JASNI

11 Februari 2019

ABSTRAK

Kajian ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, kajian ini turut melihat pelaksanaan dan pencapaian institusi wakaf di negeri Johor dan Selangor yang merupakan antara peneraju utama institusi wakaf di Malaysia dengan mempunyai kepelbagaian produk wakaf yang memudahkan masyarakat di negeri-negeri tersebut untuk menyumbang aktiviti berwakaf. Mekanisma pelaksanaan turut dibincangkan seperti program-program kempen dan agihan serta kerjasama dengan sektor korporat yang membantu menyedarkan masyarakat tentang kepentingan institusi wakaf dalam pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Model kajian ini menggunakan kaedah Teori Tingkah Laku yang Dirancang (Theory of Planned Behavior, TPB). Analisis kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran 300 borang soal selidik, yang mana, 271 borang (90 peratus) telah dikembalikan dan digunakan untuk kajian ini. Responden terdiri dari golongan akademik, penjawat awam, peniaga dan pelajar. Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) digunakan untuk menganalisis data yang meliputi analisis ke atas latar belakang demografi, Analisis Kebolehpercayaan (*Reliability Analysis*), Analisis Korelasi (*Correlation Analysis*), dan Analisis Regresi Berganda (*Multiple Regressions*). Bagi analisis regresi, tujuh pembolehubah tidak bersandar; iaitu tahap kefahaman berkaitan dengan wakaf; peranan keagamaan, faedah ekonomi – (peningkatan dalam pendapatan); faedah sosial – (kemudahan pendidikan); faedah sosial – (kemudahan kesihatan); faktor sikap; dan, norma subjektif telah dipilih untuk mengukur pengaruhnya ke atas pemboleh bersandar kajian ini iaitu Niat untuk Menyokong Berwakaf. Dapatan kajian ini menunjukkan lima pembolehubah mempunyai hubungan positif, iaitu tahap kefahaman berkaitan dengan wakaf, peranan keagamaan, faedah ekonomi - peningkatan dalam pendapatan, faedah sosial – (kemudahan pendidikan) dan norma subjektif, terhadap hubungan pembolehubah Niat untuk Menyokong Berwakaf. Ini jelas menggambarkan potensi yang boleh dibangunkan untuk program berwakaf di Sabah melalui perancangan yang teliti dan teratur serta menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi yang berpengalaman dalam bidang ini.

ABSTRACT

THE FACTORS THAT INFLUENCE THE INTENTION OF WAQF AMONG MUSLIM COMMUNITY IN KOTA KINABALU, SABAH.

This study analyses The Factors That Influence the intention of Waqf Among Muslim Community in Kota Kinabalu, Sabah. In addition, this study also discusses the implementation and achievement of waqf institutions in Johor and Selangor which are among the leading states of waqf institutions with the diversity of waqf products that indirectly facilitate the communities in these states to contributing to waqf activity. The implementation mechanisms were also discussed, such as campaign and distribution programs as well as collaboration with the corporate sector that have succeeded in creating the awareness of the community to the importance of waqf institutions in developing Muslims socioeconomic status. The model of this study applies the method of the Theory of Planned Behavior, (TPB). The method of analysis is a quantitative method through the circulation of 300 questionnaires, of which, 271 forms (90 percent) were returned and used for the study. Respondents consist of academics, civil servants, businessmen and students. The Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software was used to analyze the data including demographic background, Reliability Analysis, Correlation Analysis and Multiple Regression Analysis. For the regression analysis, seven independent variables: namely the level of understanding related to waqf; religious roles, economic benefits - (increase in income); social benefits - (educational facilities); social benefits - (health facilities); attitude factors and subjective norms were chosen to determine their influence over the dependent variable, namely the Intention to Support a Waqf. The findings show that five variables have positive relationships, namely the level of understanding associated with waqf, the role of religion, the economic benefits - the increase in income, the social benefits - (educational facilities) and the subjective norms on the relationship of the intentional variables to support the act of waqf. This clearly illustrates the potential that can be developed for the waqf program in Sabah particularly through careful and orderly planning, and forging strategic partnerships with experienced institutions in this field.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Penyelidikan	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Definisi Istilah	9
1.8 Aliran Susunan Kajian	11
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Teori Agihan Kekayaan Dalam Islam	12
2.2.1 <i>Sadaqah</i> (Sumbangan Amal)	12
2.2.2 Wakaf	14
2.3 Pencapaian Wakaf di Sabah	21
2.4 Ringkasan Operasi dan Pencapaian Wakaf Di Negeri-Negeri Lain di Malaysia	25
2.4.1 Operasi Wakaf di Johor	26
2.4.2 Operasi Wakaf di Selangor	32
2.4.3 Operasi Wakaf di Beberapa Negara ASEAN	40
2.5 Teori Tingkah Laku Yang Dirancang (<i>Theory Of Planned Behavior</i> , TPB)	41
2.6 Pembinaan Kerangka Soal Selidik	42
2.7 Kata Penutup	48
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	50
3.0 Pendahuluan	50
3.1 Lokasi Kajian	50
3.2 Metodologi	51
3.3 Analisis Data	52
3.4 Teknik Persampelan	52
3.5 Saiz Sampel	52
3.6 Reka Bentuk Instrumen	53
3.6.1 Soal Selidik	53
3.6.2 Pengukuran	53
3.7 Kata Penutup	62

BAB 4 : ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN HASIL DAPATAN KAJIAN	63
4.1 Pendahuluan	63
4.2 Latar Belakang Demografi Responden	64
4.3 Analisis Keboleh Percayaan (<i>Reliability Analysis</i>)	68
4.4 Analisis Korelasi (<i>Correlation Analysis</i>)	69
4.5 Analisis Regresi Berganda (<i>Multiple Regressions Analysis</i>)	70
4.6 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	73
4.6.1 Dapatan (<i>Finding</i>)	74
4.6.1.1 Sikap (<i>Atitude</i>)	75
4.6.1.2 Persepsi Kawalan Kelakuan (<i>Perceived Behavioral Control</i>)	78
4.6.1.3 Norma Subjektif (<i>Subjective Norm</i>)	82
4.7 Kata Penutup	83
BAB 5 : KESIMPULAN	85
5.1 Refleksi Kajian	85
5.2 Batasan Kajian	88
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	88
5.4 Kata Penutup	89
RUJUKAN	91
LAMPIRAN	100



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.0 Statistik Tanah Wakaf di Sabah Setakat 31 Disember 2018	23
Jadual 2.1 Statistik Kutipan Saham Wakaf Johor (MAIJ)	28
Jadual 2.2 Hospital dan Rangkaian Klinik Wakaf An-Nur	30
Jadual 2.3 Rangkaian Masjid An-Nur	31
Jadual 2.4 Tanah wakaf di Selangor pada tahun 2011 hingga 2015	33
Jadual 2.5 Jumlah Kutipan Skim Saham Wakaf Selangor (SWS) Dari Tahun 2011 hingga Tahun 2018.	36
Jadual 2.6 Agihan Manfaat Sewaan Bazar	37
Jadual 2.7 Agihan Manfaat Sewan Premis	38
Jadual 3.1 Mengukur Tahap Pemahaman Ilmu Berkaitan Aktiviti Berwakaf.	55
Jadual 3.2 Mengukur Aktiviti Berwakaf Dalam Konteks Peranan Agama.	56
Jadual 3.3 Mengukur Dari Aspek Faedah Ekonomi - Peningkatan Dalam Pendapatan Dari Aktiviti Berwakaf.	57
Jadual 3.4 Menilai Faedah Sosial Dalam Aspek Kemudahan Pendidikan	58
Jadual 3.5 Mengukur Item Untuk Faedah Sosial - Kemudahan Kesihatan	59
Jadual 3.6 Faktor Sikap Di Kalangan Masyarakat Islam Di Sabah Terhadap Berwakaf	60
Jadual 3.7 Mengukur Mengenai Norma Subjektif Kecenderungan Berwakaf.	60
Jadual 3.8 Kecenderungan Responden Untuk Berwakaf.	61
Jadual 4.1 Kajian Rintis ke atas 50 Responden, Analisis Kebolehpercayaan (<i>Reliability Analysis</i>)	64
Jadual 4.2 Pecahan Latar Belakang Demografi Responden	64
Jadual 4.3 Analisis Keboleh Percayaan (<i>Reliability Analysis</i>)	68
Jadual 4.4 Analisis Korelasi (<i>Correlation Analysis</i>), Matriks Korelasi Pearson Pembolehubah Kajian (N = 271)	69
Jadual 4.5 Analisis Regresi Pembolehubah Tidak Bersandar dengan Niat untuk Menyokong Berwakaf	72
Jadual 4.6 ANOVA	73

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Jumlah Keseluruhan Nilai Tanah Wakaf Khas PWS	34
Rajah 2.2 Pembinaan Kerangka Soal Selidik	42
Rajah 3.1 Kerangka Teori Kecenderungan Untuk Berwakaf	51



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI CARTA


	Halaman
Carta 4.1: Demografi Kategori Tahap Pendidikan Responden	66
Carta 4.2: Demografi Kategori Peringkat Pendapatan Responden	67



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A Salinan Muka Hadapan Dan Borang Soal Selidik Kajian Untuk Responden	100
Lampiran B Analisa Data Untuk Latarbelakang Demografi Responden	109
Lampiran C Analisis Keboleh Percayaan (<i>Reliability Analysis</i>) Ke Atas Kajian Rintis 50 Responden	112
Lampiran D Analisis Keboleh Percayaan (<i>Reliability Analysis</i>)	129
Lampiran E Analisis Korelasi (<i>Correlation Analysis</i>)	146
Lampiran F Analisis Regresi Berganda (<i>Multiple Regressions Analysis</i>)	149



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN KEPADA KAJIAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini turut melihat pelaksanaan dan pencapaian wakaf di beberapa negeri lain di Malaysia serta di beberapa negara asean bagi melihat pengalaman mereka dalam pembangunan dan pengurusan wakaf.

Secara umumnya, wakaf bukan sahaja merujuk wakaf fizikal semata-mata tetapi ia juga boleh terbahagi kepada wakaf tunai. Sejak di akhir tahun 1990an dan tahun 2000 ke atas inovasi berkaitan produk wakaf membuka satu lembaran baru perkembangan Institusi Wakaf itu sendiri yang lebih dinamik dengan kepelbagaian produk yang secara tidak langsung membuka lebih ruang kepada masyarakat untuk menyumbang untuk berwakaf yang tidak terikat semata-mata wakaf fizikal sahaja.

Pengurusan Wakaf atau pemegang amanah tunggal wakaf di negeri Sabah adalah melalui Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS). Sejak penubuhan MUIS di awal era 1972, penumpuan produk wakaf hanya tumpuan utama kepada wakaf fizikal manakala pengwujudan wakaf tunai hanya bermula tahun 2017 tetapi masih terhad pembangunan penghasilan kepelbagaian produk. Negeri Sabah banyak potensi boleh diteroka dan dipertingkatkan dalam pembangunan produk wakaf mahupun memperkukuhkan institusi wakaf, ini termasuk pambangunan sistem serta kerjasama antara badan korporat yang boleh dipelajari dari negeri-negeri peneraju pembangunan institusi wakaf di negara ini.

Jika melihat pembangunan produk dan perkhidmatan wakaf di negeri Selangor dan Johor telah jauh ke hadapan bahkan bersistematik termasuk aspek kempen mahupun capaian maklumat untuk menyumbang serta akses untuk berwakaf sama ada wakaf fizikal dan wakaf tunai. Ini termasuk kerjasama antara badan korporat untuk mempertingkatkan pembangunan wakaf sepertimana yang dilaksanakan di negeri Johor melalui Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dengan kerjasama Johor Corporation (JCorp). Manakala, di negeri Selangor pengurusan wakaf melalui Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

Model kajian ini menggunakan kaedah Teori Tingkah Laku yang Dirancang (*Theory of Planned Behavior, TPB*) untuk mengkaji ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah, dengan melalui 3 asas utama iaitu sikap (*Attitude*) individu ke arah tingkah laku, norma subjektif (*Subjective Norm*) dan persepsi kawalan kelakuan (*Perceived Behavioral Control*), yang mempengaruhi niat kelakuan (*Intention*) seseorang (Fishbein dan Ajzen, 1975).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perkataan "wakaf" berasal dari perkataan "*wakafe*" dalam Bahasa Arab, yang bermaksud "untuk memegang atau menahan". Menurut Imam Abu Hanifah, wakaf ialah "penahanan satu perkara atau item (aset) tertentu dalam pemilikan *waqif* (pemberi wakaf atau penyumbang) dan mengkhususkan keuntungan atau manfaatnya kepada tujuan-tujuan kebajikan seperti untuk orang miskin, anak-anak yatim, golongan fakir, orang yang dalam perjalanan (musafir) dan lain-lain pihak yang memerlukan". Kahf (1998), menyatakan bahawa wakaf adalah "tindakan mengekalkan pegangan sesuatu aset dan mengkhususkan penggunaannya untuk manfaat kedermawanan tertentu yang tidak membenarkan apa-apa penggunaan atau pelupusan di luar tujuan yang telah ditetapkan oleh penyumbang (*waqif*". Toraman *et. al.* (2004), wakaf terpakai kepada harta yang tidak mudah rosak, di mana manfaatnya boleh dinikmati tanpa perlu melupuskan harta tersebut.

Dalam sejarah awal Islam, wakaf telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad (SAW) lagi dengan wakaf yang pertama dicatatkan ialah sebidang tanah yang telah diwakafkan untuk pembinaan Masjid Quba' di Madinah. Sumbangan wakaf utama yang lain termasuklah wakaf hartanah seperti tapak Universiti Al-Azhar di Mesir, Universiti Cordoba di Sepanyol, dan Hospital Al-Noori di Damsyik (Ahmad Zaki *et. al.*, 2008). Berdasarkan sejarah dan fungsinya, jelaslah wakaf dianggap sebagai satu elemen penting dalam pengurusan harta kekayaan pada perspektif ekonomi Islam.

Selain daripada wakaf berbentuk hartanah (wakaf harta), terdapat juga wakaf dalam bentuk tunai (wakaf tunai) di mana modal asal adalah terdiri daripada sumbangan wang tunai daripada penyumbang (*waqif*) (Cizacka, 2000). Pengenalan wakaf tunai pada awal abad ke-15 membuka peluang baharu untuk pembangunan produk wakaf, khususnya dalam menggalakkan sikap suka menderma di kalangan umat Islam. Berbanding dengan wakaf harta, wakaf tunai adalah lebih mudah dan fleksibel (Kuran, 2001) kerana dana yang dikumpul daripada wakaf tunai boleh digunakan untuk berbagai tujuan pembangunan dalam sektor ekonomi dan sosial, dan boleh juga digunakan untuk tujuan perniagaan. Menurut Mannan (1999), wakaf tunai menjadi semakin popular kerana fleksibilitinya yang membenarkan pengagihan manfaat wakaf kepada golongan miskin. Banyak institusi wakaf di Syria, Mesir, India, Singapura dan Malaysia telah menerima idea wakaf tunai yang mempunyai potensi serta manfaat yang besar (Mohsin, 2009).

Cizacka (2004) mendefinisikan wakaf tunai sebagai "endowmen kebajikan yang ditubuhkan dengan modal tunai". Mohsin (2009) pula menyatakan wakaf tunai sebagai "sejumlah wang daripada penyumbang yang mengkhususkan manfaatnya mengikut syarat-syarat penyumbang tersebut, untuk selama-lamanya demi kebajikan masyarakat". Tasuli (1998) dalam tafsirnya "Tuhfat al-Hukkam", memberikan takrif wakaf tunai mengikut mazhab Maliki sebagai "proses memberikan tunai sebagai wakaf untuk tujuan meminjamkannya kepada golongan yang ditetapkan sebagai penerima tanpa dikenakan faedah". Jika merujuk ketika era zaman kegemilangan Empayar Turki Uthmaniah, empayar Islam ketika itu mempunyai peranan yang amat besar di dalam membiayai pembinaan kemudahan-

kemudahan awam bagi manfaat masyarakat (Cizacka, 2011; Magda, 2013), melalui dana-dana wakaf tanpa melibatkan bajet kerajaan.

Kebanyakan negeri di Malaysia telah melaksanakan skim wakaf tunai melalui majlis-majlis agama Islam negeri. Walau bagaimanapun, negeri Sabah masih jauh ketinggalan dan masih melaksanakan wakaf dalam bentuk endowmen fizikal. Di samping itu, wakaf tunai adalah lebih fleksible dan mudah, skim ini juga diberikan potongan cukai sebanyak 10 peratus di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui terma *donation*, pelepasan ini perlu di mohon dari pihak LHDN oleh badan yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal wakaf tunai untuk disenaraikan sebagai salah satu badan yang mendapat pelepasan cukai pendapatan melalui terma tersebut. Selain dari wakaf tunai, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) telah memperkenalkan wakaf saham yang telah mendapat sambutan baik dari syarikat dan individu. Di Malaysia, syarikat yang paling berjaya melaksanakan wakaf adalah Johor Corporation Berhad (JCorp). Menurut Hashim (2009), Kumpulan Wakaf An-Nur Bhd., dengan pengurusannya disokong oleh KPJ Healthcare Bhd., merupakan syarikat yang berjaya menguruskan rangkaian wakaf An-Nur Clinics yang menjadikan mereka syarikat pertama yang memiliki sebuah hospital wakaf di Malaysia.

Pada 23 Disember 2015, Negeri Kelantan mengumumkan untuk melaksanakan skim wakaf tunai di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Projek pertama yang dilaksanakan melalui program ini ialah pembinaan Sekolah Menengah Agama Sullamiah Bunut Payong di kawasan seluas 0.7 hektar di Pintu Geng dengan kos RM5.6 juta. Dana yang digunakan untuk projek ini diperolehi melalui wakaf tunai. MAIK menukar sumbangan wakaf tunai yang dikumpulkan kepada aset tetap yang bakal memberikan manfaat kepada semua pihak. MAIK menyediakan berbagai kaedah untuk masyarakat menyalurkan sumbangan mereka termasuk melalui portal rasmi MAIK (www.e-maik.my), atau secara bayaran tunai melalui laman rasmi wakaf (wakaf.e-maik.my), atau terus kepada kaunter MAIK.

Pengalaman negara jiran, Singapura, dalam melaksanakan skim wakaf tunai juga amat menarik. Masyarakat Islam di Singapura telah berjaya membangunkan pelbagai produk wakaf tunai yang diperkenalkan sejak tahun 1826 lagi iaitu apabila seorang dermawan bernama Syed Omar Al-Junied menyumbangkan wakaf di Kampong Melaka untuk pembinaan masjid. Di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Singapura, semua projek wakaf di negara itu hendaklah didaftarkan di bawah Majlis Ugama Islam Singapura. Selain itu, satu skim wakaf tunai perniagaan yang dilaksanakan secara potongan gaji telah berjaya mengumpul S\$130 juta dana wakaf di negara tersebut. Dana wakaf tunai yang besar itu telah berjaya membina 22 buah masjid di seluruh Singapura.

Di Sabah, terdapat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Gabungan NGO Islam Sabah (CONCERN), yang merupakan gabungan NGO Islam di Sabah, telah melaksanakan skim wakaf tunai bagi tujuan membina sebuah masjid di daerah Penampang yang telah bermula sejak tahun 2009 yang masih proses pungutan wakaf dari orang ramai atau agensi korporat berkaitan.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Syariah Islam memperkenalkan pengurusan kekayaan dan skim pembasmian kemiskinan seperti wakaf dan sadaqah yang tidak memerlukan peruntukan Kerajaan. Sumber kewangan daripada skim-skim tertentu datang dari individu Muslim atau syarikat-syarikat yang secara sukarela menderma atau berwakaf sebahagian daripada kekayaan mereka untuk kebaikan ummah (masyarakat). Dalam hal ini, sistem wakaf yang diuruskan dengan baik mempunyai potensi besar untuk pembangunan ummah.

Namun begitu, sumbangan atau budaya berwakaf di Sabah masih di tahap yang rendah berbanding negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Di Selangor dan Johor umpamanya, terdapat kepelbagaian produk skim wakaf diperkenalkan untuk menggalakkan kesedaran dan membudayakan amalan

berwakaf serta meningkatkan sumbangan wakaf sama ada daripada orang perseorangan atau badan korporat dengan diberikan insentif potongan cukai.

Pengurusan badan wakaf di Sabah lebih tertumpu kepada wakaf aset tetap seperti sumbangan tanah wakaf untuk tujuan membangunkan sekolah agama, tanah perkuburan dan membina masjid, berbanding produk skim wakaf tunai yang baru dilaksanakan pada awal tahun 2017. Kesannya, penyertaan masyarakat Islam di negeri ini dalam berwakaf di bawah kelolaan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), selaku pemegang amanah tunggal berkaitan dengan wakaf, bertumpu kepada wakaf bersifat fizikal. Berdasarkan rekod terkini setakat 31 Disember 2018, Tanah Wakaf Negeri Sabah adalah 1,051.180 ekar.

Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk menganalisa isu disebalik mengapa masyarakat Islam di Sabah terhad untuk berwakaf atau masih kurang berwakaf jika dibandingkan dengan masyarakat Islam di lain-lain negeri dalam Malaysia. Kajian akan menilai ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, dengan mengkaji faktor-faktor yang menggalakkan kecenderungan amalan berwakaf dan tahap pengetahuan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah tentang wakaf.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan utama untuk dibincangkan di dalam kajian mengenai wakaf di Kota Kinabalu, Sabah ini adalah:

- 1.4.1 Apakah sikap dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah berkaitan dengan kepentingan berwakaf?
- 1.4.2 Apakah persepsi kawalan kelakuan mempengaruhi aktiviti berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah?
- 1.4.3 Adakah faktor norma subjektif mempengaruhi aktiviti berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Menganalisa sikap berkaitan dengan kepentingan berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah.

Kajian ini berhasrat untuk menganalisa bagaimana faktor sikap, seperti tahap sikap, kefahaman dan peranan agama, mempengaruhi aktiviti berwakaf di kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah.

- 1.5.2 Mengkaji persepsi kawalan kelakuan dalam mempengaruhi aktiviti berwakaf di kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah.

Kajian ini berhasrat untuk mengkaji persepsi kawalan kelakuan dengan mengukurnya dari segi Faedah Ekonomi – Peningkatan Dalam Pendapatan; Faedah Sosial – Kemudahan Pendidikan; dan, Faedah Sosial – Kemudahan

Kesihatan dalam mempengaruhi aktiviti berwakaf di kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah.

1.5.3 Mengkaji norma subjektif di kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah terhadap amalan berwakaf.

Kajian ini turut menilai adakah faktor norma subjektif, seperti faktor orang atau kenalan, mempengaruhi niat untuk berwakaf.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Nik Hassan (2008) menyatakan bahawa dalam aspek pembangunan sosio ekonomi, sumbangan sukarela oleh golongan kaya untuk tujuan awam melalui wakaf memberi implikasi yang positif ke atas pengagihan semula kekayaan kepada masyarakat. Analisis ke atas amalan semasa pengurusan wakaf di Sabah memberikan maklumat berharga tentang kecenderungan dan persepsi masyarakat Islam di Sabah terhadap amalan berwakaf dan pengurusan wakaf di negeri ini.

Dapatan dari kajian ini kelak boleh digunakan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran wakaf di Sabah untuk menambahbaik strategi mereka bagi menggalakkan masyarakat Islam berwakaf sekaligus meningkatkan sumbangan wakaf di negeri ini.

Berdasarkan kepada kejayaan pengurusan wakaf dengan kepelbagaian produk skim wakaf yang dilaksanakan di beberapa negeri dalam Malaysia seperti skim wakaf tunai yang merupakan pilihan instrumen untuk berwakaf dengan menyediakan platform atau pilihan berwakaf kepada orang awam untuk menyumbang ke arah pembangunan ummah yang lebih mudah dan fleksibel berbanding medium sedia ada yang bertumpu kepada wakaf aset/hartanah yang terbatas kepada hanya golongan tertentu dan kaya sahaja yang berupaya untuk berwakaf.

1.7 DEFINISI ISTILAH

Kajian ini menggunakan beberapa istilah penting yang merujuk perbincangan dalam kajian, dan ia perlu dijelaskan dengan lebih tepat dari aspek maksudnya. Definisi yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut;

i. Kefahaman

Merujuk Kamus Pelajar Bahasa Malayu Edisi Kedua (2016), maksud Kefahaman adalah hal faham akan sesuatu setelah dibuat penilaian kemudian barulah diketahui tahap kefahaman bagi sesuatu perkara yang dikaji mahupun yang dinilai. Menurut Habsah (2000), Kefahaman juga merupakan satu pengertian atau maksud tentang sesuatu iaitu mengetahui, serta benar-benar memahami atau mengerti seterusnya mempercayai apa yang difahami merujuk sesuatu perkara itu. Manakala, West dan Pines (1985) berpendapat, kefahaman tentang sesuatu perkara itu mahupun idea serta konsep bermaksud mengetahui maksud idea tersebut termasuk pemikiran saintifik untuk memahami sesuatu perkara atau fenomena secara saintifik dan bersistematik. Kefahaman yang dibincangkan dalam kajian ini adalah menganalisis Kajian ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah, melalui edaran kajian soal selidik yang dijalankan.

ii. Amalan

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1997) dan Kamus Dewan Edisi Keempat 2005, mentakrifkan kata amalan ialah sesuatu yang dilakukan seperti dilaksanaka, dikerjakan dan sebagainya yang merujuk sebagai suatu kebiasaan. Manakala, Kamus Pelajar Edisi Kedua menyatakan bahawa istilah amalan merupakan satu perbuatan atau melakukan perkara yang baik-baik yang menjadi suatu kebiasaan. Dari sudut pandangan Islam, perkara amal soleh atau amalan kebaikan ini amat-amat dituntut. Ini disebutkan di dalam al-Quran maksudnya:

"Sesiapa yang beriman salih, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan."

(Surah an-Nahl, 16: 97)

Kajian ini menganalisis Kajian ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah, melalui penilaian beberapa pemboleh ubah yang dirangka.

iii. Niat

Dalam kamus al-Mu'jam al-Wasith, niat menurut bahasa adalah mengarahkan diri kepada sesuatu perbuatan. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, niat adalah bermaksud atau tujuan sesuatu perbuatan. Menurut Istilah, terdapat beberapa definisi iaitu;

Telah berkata Imam al-Nawawi:

Maksudnya: "Niat adalah keazaman (tekad) di dalam hati di atas setiap perkara yang fardhu dan selain daripadanya (wajib)".

(al-Majmu', 310/1)

Telah berkata Ibn Abidin:

Maksudnya: "Niat adalah tujuan melakukan ketaatan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan perbuatan".

(Rad al-Mukhtar, 105/1)

Menurut Irsyad al-Hadis oleh S.S. Dato' Seri Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan (2016), menyatakan bahawa merujuk definisi niat tersebut maka berpendapat bahawa niat adalah lintasan hati dalam ketika ingin melakukan sesuatu perkara. Antara faedah atau fungsi niat adalah pertama, membezakan ibadah daripada ibadah-ibadah yang lain. Contohnya antara puasa yang wajib dengan puasa yang sunat. Kedua, membezakan ibadah daripada adat.

Contohnya, seseorang itu mandi dan diniatkan bahawa ia adalah mandi janabah maka mandi tersebut akan mendapat pahala. Jika seseorang itu mandi untuk menghilangkan kepanasan maka tidak akan mendapat pahala kerana mandiannya itu bukanlah berbentuk ibadah. Kajian turut menganalisa faktor-faktor pemboleh ubah yang mempengaruhi niat untuk berwakaf dikalangan masyarakat Islam di Kota Kinabalu, Sabah.

1.8 ALIRAN SUSUNAN KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada empat bab. Bab 1 ialah pengenalan kajian termasuk latar belakang, pernyataan masalah, soalan kajian dan objektif, skop serta signifikan kajian ini.

Bab 2 membincangkan kajian sorotan literatur yang membentuk latarbelakang teori kajian ini. Turut membincangkan teori pengagihan semula dalam Islam iaitu wakaf (amal kekal) dan wakaf tunai.

Kajian literatur turut meninjau pengurusan wakaf di negeri ini seperti yang dilakukan oleh institusi yang bertanggungjawab untuk mengendalikan wakaf seperti Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan beberapa pengurusan wakaf negeri lain di Malaysia.

Bab 3 menjelaskan tentang metodologi penyelidikan kajian ini termasuk reka bentuk penyelidikan, kerangka teori, teknik pengukuran, unit analisis, persampelan dan pengumpulan data serta kaedah menganalisis data.

Bab 4 membincangkan keputusan yang diperolehi daripada analisis data dan perbincangan hasil dapatan.

Bab 5 menyediakan kesimpulan kajian melibatkan refleksi kajian, limitasi kajian dan cadangan kajian masa hadapan.